

SISTEM KEHAKIMAN ANAK NEGERI SABAH DALAM KONTEKS PELAKSANAAN HUKUMAN DAN DENDA ADAT

RAFIDAH@MALISSA BINTI SALLEH, LENNY JAMES MATAH &
KU MOHD AMIR AIZAT KU YUSOF

PAPER ID : JBORNEOAKADEMIKA_06

ABSTRAK

Negeri Sabah terdiri dalam kalangan penduduk berbilang suku kaum dan hidup dalam keadaan aman sentosa. Bertunjangkan kepelbagaian ritual etnik, maka wujudnya sistem kehakiman anak negeri yang bertanggungjawab mendengar dan menyelesaikan kes-kes berkaitan adat resam penduduk asli Sabah atau lebih dikenali sebagai peribumi tanpa mengira anutan agama. Secara dasarnya terdapat tiga sistem kehakiman yang berbeza di Sabah iaitu sistem kehakiman sivil, sistem kehakiman Syariah dan sistem kehakiman Anak Negeri Sabah. Objektif kertas konsep ini disediakan adalah untuk meninjau latar belakang sistem kehakiman Anak Negeri Sabah, menghuraikan kepentingan sistem kehakiman tradisional kepada masyarakat peribumi Sabah, mengenal pasti sumber undang-undang dan jenis-jenis hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Anak Negeri Sabah (MAN) khususnya hukuman denda *sogit* serta membincangkan hubung kait di antara denda *sogit* dan masyarakat peribumi Sabah. *Sogit* merupakan denda adat yang melibatkan upacara mengorbankan haiwan ternakan seperti kerbau, ayam atau khinzir di samping upacara ritual bagi menenangkan semangat makhluk ghaib dan roh-roh. MAN mempunyai bidang kuasa menjatuhkan hukuman *sogit* seandainya berlaku pelanggaran terhadap mana-mana adat masyarakat peribumi Sabah melalui peruntukan undang-undang yang termaktub dalam Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992. Walau Sabah berdepan dengan arus pemodenan, namun masyarakat peribuminya masih mempertahankan tradisi adat resam, amalan pantang-larang dan juga hukuman *sogit*. Tuntasnya, kewujudan sistem kehakiman yang berteraskan amalan tradisi ini dilihat mampu memelihara kesantunan budi dan keluhuran adat dalam kalangan peribumi khususnya dan masyarakat setempat amnya.

Kata kunci: Sistem Kehakiman Anak Negeri Sabah; Mahkamah Anak Negeri; denda adat; *sogit*

ABSTRACT

Sabah is known for its multi-ethnic population. One of the uniqueness of the state is the existence of Native court system in its legal system. The Native Court is responsible to try cases relating to native customs of the Sabah's indigenous people irrespective of their religion. Thus, in Sabah, there are three different judicial systems exist, namely the civil court system, the Syariah court system and the Native Court system. The objective of this paper is to look at the Native Court system, and to discuss the importance of this traditional judicial system to the indigenous communities. Also, the paper will examine the legal sources and the types of customary penalties imposed by the Native Court of Sabah, in particular the customary penalty, which is known as *sogit*. *Sogit* is a customary penalty involving a ceremony sacrificing animals, such as buffalo, chicken or pig, followed by a ritual to calm the spirits. In term of jurisdiction, the Native court has jurisdiction to pass customary penalties such as *sogit* in the event of any breach of the native customary laws based on the Native Courts Enactment 1992. While the natives of Sabah live in a modern era, the fact is that they are still bound by customs and the native customary penalties.

Keywords: Native Courts system; Native Court; customary penalty; *sogit*

1. Latar Belakang Sistem Kehakiman Anak Negeri

Negeri Sabah terkenal dengan kepelbagaian kumpulan etnik yang mempunyai sosio-budaya dan identiti yang berbeza.¹ Sistem Kehakiman Anak Negeri yang wujud di negeri ini telah ditubuhkan secara tidak rasminya pada tahun 1881 oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) ketika syarikat ini bertapak di negeri Sabah. SBBUB telah mengiktiraf adat bagi setiap kumpulan etnik sebagai sebahagian daripada undang-undang dan dinyatakan secara rasminya dalam Perkara 9 Piagam Diraja.² Selain itu, SBBUB juga telah memperakui dan mengiktiraf ketua-ketua kampung dalam pengisytiharan Undang-undang Pentadbiran Kampung pada tahun 1891 yang membawa kepada pelantikan Ketua Anak Negeri.³ Ketua Anak Negeri dibantu oleh ketua-ketua kampung dalam menguruskan Mahkamah Anak Negeri Sabah (selepas ini dirujuk sebagai MAN). Setelah *Village Administration Ordinance 1913* diperkenalkan pada tahun 1913, MAN telah dibangunkan di setiap daerah di negeri Sabah⁴ yang bertujuan untuk membicarakan dan memutuskan perkara-perkara berkaitan undang-undang adat. Kathianne Knaup, mendedahkan bahawa di Sabah, undang-undang adat telah diiktiraf dan terpelihara sejak zaman kolonial British.⁵ Sementara itu, Lee Hun Hoe menekankan bahawa undang-undang adat memainkan peranan yang penting di Malaysia Timur kerana ia mengawal cara hidup orang asli.⁶ Sehingga kini masyarakat peribumi Sabah masih mengamalkan adat resam nenek moyang mereka dan percaya sekiranya pelanggaran adat dilakukan, perkara buruk atau bencana akan menimpa mereka.

Selepas terbentuknya Malaysia pada tahun 1963, sistem kehakiman Anak Negeri Sabah masih diteruskan dan menjadi sebahagian daripada sistem perundangan negeri. Ini dapat dilihat dengan pengiktirafan oleh Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak melalui Perkara 161A⁷ untuk meneruskan pemakaian dan pelaksanaan undang-undang adat anak negeri, termasuk penubuhan MAN⁸. Merujuk kepada Item 13, Senarai IIA, Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan, peruntukan undang-undang tersebut menyatakan seperti berikut:

Senarai IIA—Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak

13. Undang-undang dan adat anak negeri, termasuk undang-undang diri yang berhubungan dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, nafkah, pengangkatan, kesahataran, undang-undang keluarga, alang atau pewarisan, berwasiat atau tidak berwasiat; pendaftaran pengangkatan di bawah undang-undang atau adat anak negeri; penentuan perkara perkara mengenai undang-undang atau adat anak negeri; keanggotaan, susunan, dan tatacara mahkamah anak negeri (termasuk hak untuk didengar di dalam mahkamah itu), dan bidang kuasa dan kuasa mahkamah itu, yang hendaklah meliputi hanya perkara yang termasuk dalam perenggan ini sahaja dan tidaklah termasuk bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan.

Peruntukan undang-undang di atas jelas menunjukkan bahawa bidang kuasa MAN jatuh dalam bidang kuasa negeri. Ini bermakna kerajaan negeri Sabah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menggubal dan melaksanakan undang-undang adat di negeri ini, pun begitu ia hanya terpakai kepada masyarakat peribumi Sabah. Sementara itu, bagi konteks kertas kerja ini, terma 'peribumi Sabah' adalah merujuk kepada 'Anak Negeri Sabah'. Bagi

¹ Mosli Tarsat, 2009. Kerelevanan dan Prospek Jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah: Satu Perspektif Sejarah, hlm. 228.

² Rafidah@Malissa Datuk Hj Salleh, 2014. *Native Courts System in Sabah: Will it Continue to Survive?* p.1.

³ *Ibid.* 1

⁴ Ahadin Arinen, 2015. Pentadbiran Undang-Undang Harta Pusaka Di Mahkamah Syariah Negeri Sabah.

⁵ Kathianne Knaup, 1970-1971. *Native Family Law in Sabah: A Study of Customary Law within a Common Law State*, p. 256.

⁶ Lee Hun Hoe, 1975. *Cases on Native Customary Law*, p. ix

⁷ Perkara 161A menyatakan kedudukan keistimewaan anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak.

⁸ Perkara 153(1) Perlembagaan Persekutuan. Lihat juga Item 13, Senarai IIA, Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan.

tujuan mengenal pasti siapakah yang boleh dikategorikan sebagai Anak Negeri Sabah, rujukan perlu dibuat kepada tiga undang-undang penting, iaitu Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perlembagaan Negeri Sabah dan juga Ordinan Interpretasi Anak Negeri Sabah 1952 (Cap 64). Menurut Perkara 161A (6) Perlembagaan Persekutuan Malaysia:

(6) Dalam Perkara ini "anak negeri" ertinya—

(a) berhubung dengan Sarawak, seseorang yang merupakan warganegara dan sama ada yang tergolong dalam salah satu daripada ras yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai ras asli bagi Negeri itu atau yang berketurunan campuran yang berasal semata-mata daripada ras-ras itu; dan

(b) berhubung dengan Sabah, seseorang yang merupakan warganegara, ialah anak atau cucu kepada seorang daripada suatu ras asli bagi Sabah, dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) sama ada di Sabah atau dengan bapanya berdomisil di Sabah pada masa kelahiran itu.

Manakala, Perkara 41(10) Perlembagaan Negeri Sabah menyatakan 'Anak Negeri' merujuk kepada seseorang yang merupakan warganegara, ialah anak atau cucu atau seorang yang berasal dari negeri ini, dan dilahirkan (sama ada pada atau selepas hari Malaysia atau tidak) sama ada di dalam negeri atau kepada seorang bapa yang bermastautin di negeri ini pada masa kelahiran.

Seterusnya merujuk kepada Seksyen 2(1) Ordinan Interpretasi Anak Negeri Sabah 1952 (Cap 64) terma 'Anak Negeri' merangkumi beberapa kategori iaitu, kategori pertama merupakan orang yang kedua-dua ibu bapa adalah ahli-ahli 'masyarakat peribumi'⁹. Kategori kedua meliputi penduduk Sabah yang hidup sebagai ahli masyarakat peribumi dan keturunan sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapa atau nenek moyang adalah atau berasal dari masyarakat peribumi. Kategori ketiga pula merujuk kepada mana-mana orang yang bermastautin di Sabah dan merupakan ahli orang Suluk, Kagayan, Simonol, Sibutu atau Ubian atau sesuatu kaum yang berasal dari Negeri Sarawak dan Brunei. Akhir sekali, kategori keempat merujuk kepada mana-mana orang yang bermastautin di Sabah dan merupakan ahli sesuatu kaum yang berasal dari Republik Indonesia atau Kepulauan Sulu di Filipina, di negeri-negeri Tanah Melayu atau Singapura dan telah tinggal selama lima tahun sebagai ahli sebuah masyarakat peribumi. Justeru, MAN hanya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar mana-mana kes yang dibawa oleh Anak Negeri Sabah menurut peruntukan undang-undang yang dijelaskan di atas.

Kini, MAN ditadbir di bawah Enakmen Mahkamah Anak Negeri tahun 1992 dan penubuhan MAN boleh dilihat di Bahagian II Enakmen tersebut di mana Yang di-Pertua Negeri Sabah diberi kuasa untuk menubuhkan MAN di mana-mana tempat yang disifatkan perlu dan boleh menentukan wilayah bidang kuasa mahkamah-mahkamah berkenaan melalui pewartaan.¹⁰ Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (sewaktu kertas kerja ini ditulis) adalah bertanggungjawab secara langsung bagi segala urusan tadbir urus hal ehwal Anak Negeri termasuklah MAN.¹¹ Setelah tampuk pemerintahan kerajaan Negeri Sabah bertukar pada pilihanraya tahun 2018, kerajaan baharu telah menubuhkan Kementerian Undang-undang dan Hal Ehwal Anak Negeri. Segala urusan berhubung MAN kini diletakkan di bawah bidang kuasa kementerian baharu ini.

Seterusnya Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri juga terlibat dalam pentadbiran MAN. Jabatan ini adalah merupakan salah sebuah agensi yang dahulunya ditubuhkan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah. Antara fungsi Jabatan Anak Negeri Sabah adalah menguruskan pelantikan Ketua Anak Negeri. Selain itu, Majlis Hal Ehwal Anak Negeri juga merupakan satu entiti yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran MAN. Majlis ini ditubuhkan melalui peruntukan undang-undang yang termaktub dalam Enakmen Majlis Hal

⁹ Walau bagaimanapun sehingga ke hari ini, syarat-syarat 'masyarakat peribumi' masih tidak ditakrifkan.

¹⁰ Ahadin Arinen, 2014. *Peranan Mahkamah Anak Negeri antara Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004*.

¹¹ Visi, Misi dan Fungsi Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah.

Ehwal Anak Negeri Sabah 1998. Seksyen 4 Enakmen Majlis Hal Ehwal Anak Negeri 1998 menyatakan dengan jelas tujuan dan fungsi majlis yang antaranya menasihati kerajaan negeri mengenai semua perkara berhubung dengan sistem undang-undang anak negeri dan adat yang diguna pakai dalam MAN.

Terdapat tiga peringkat MAN di Sabah iaitu Mahkamah Anak Negeri sebagai mahkamah paling rendah, diikuti Mahkamah Anak Negeri Daerah dan Mahkamah Rayuan Anak Negeri seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992.¹² Seksyen 3(2) Enakmen Mahkamah Anak Negeri memperuntukkan bahawa Mahkamah Anak Negeri terdiri daripada tiga orang ahli, iaitu Ketua-Ketua Anak Negeri atau Ketua-Ketua kampung. Mereka dilantik oleh Setiausaha Negeri Sabah.¹³ Sementara Mahkamah Anak Negeri Daerah diketuai oleh Pegawai daerah dan dibantu oleh dua ahli sama ada Ketua-ketua Daerah atau Ketua-ketua Anak Negeri dalam daerah tersebut. Pelantikan mereka juga dibuat oleh Setiausaha Negeri Sabah.¹⁴ Mahkamah Rayuan Anak Negeri pula terdiri daripada seorang hakim Mahkamah Tinggi yang bertindak sebagai presiden dan dibantu oleh dua orang ahli iaitu sama ada Ketua-ketua daerah atau Ketua-ketua Anak Negeri. Ahli-ahli Mahkamah Rayuan Anak Negeri dilantik oleh Menteri yang bertanggungjawab dalam pentadbiran urusan adat.¹⁵

Secara amnya, proses pelantikan dan pemberhentian Ketua Kampung, Wakil Ketua Anak Negeri, Ketua Anak Negeri, Pemaju Mukim dan Ketua Daerah adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah.¹⁶ Sehingga kini, tidak ada dinyatakan secara jelas bagaimana kelayakan dan latar belakang pendidikan ketua-ketua anak negeri, ketua-ketua daerah mahupun ketua-ketua kampung ditentukan dalam garis panduan pelantikan.¹⁷ MAN juga mendapat kritikan terutamanya daripada masyarakat peribumi sendiri disebabkan kelemahannya dalam pengendalian prosedur mahkamah, pelantikan anggota mahkamah dan juga pengaruh politik.¹⁸

2. Bidang Kuasa Mahkamah Anak Negeri Sabah

Bidang kuasa MAN terkandung dalam Seksyen 6 Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992. Ia meliputi kes-kes pelanggaran undang-undang adat,¹⁹ kes-kes melibatkan undang-undang atau adat anak negeri dari aspek agama, perkahwinan atau seksual,²⁰ kes-kes melibatkan undang-undang atau adat anak negeri berhubung dengan pertunangan²¹, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan, pengambilan anak angkat, penjagaan dan jagaan budak, nafkah tanggungan²², hadiah atau perwarisan.²³

Seksyen 9 Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992 menyatakan bahawa MAN tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa kuasa atau perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. MAN mempunyai kuasa untuk mengenakan denda, memerintahkan hukuman penjara atau kedua-duanya sekali²⁴ dengan syarat bahawa amaun denda atau tempoh hukuman penjara tidak boleh melebihi daripada apa yang boleh dikenakan oleh undang-undang persekutuan. Walau bagaimanapun, MAN tidak boleh mengenakan hukuman penjara jika hukuman itu tidak disahkan oleh Majistret.²⁵

¹² Seksyen 1,4 dan 5 Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992.

¹³ Wan Arfah Hamzah, 2009. *At First Look at The Malaysian Legal System*.

¹⁴ *Ibid.* 2

¹⁵ *Ibid.* 2

¹⁶ *Ibid.* 1

¹⁷ *Ibid.* 2

¹⁸ *Ibid.* 1

¹⁹ Seksyen 6(1)(a) Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992.

²⁰ Seksyen 6(1)(b) Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992.

²¹ Seksyen 6(1)(c)(i) Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992.

²² Seksyen 6(1)(c)(ii) Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992.

²³ Seksyen 6(1)(c)(iii) Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992.

²⁴ Seksyen 10(1) Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992.

²⁵ Seksyen 11 Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992.

3. Sumber Undang-Undang

Secara umumnya, sumber undang-undang adat negeri Sabah terdiri daripada undang-undang bertulis seperti statut atau ordinan yang digubal oleh Parlimen, undang-undang adat yang dikumpulkan dalam bentuk penulisan yang dikenali sebagai kod, keputusan mahkamah yang lalu dan tradisi lisan yang tidak direkodkan.²⁶

3.1 Statut atau ordinan

Sebelum Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 dilaksanakan, undang-undang adat ditemui dalam undang-undang kerajaan rasmi yang kebanyakannya dalam hal-hal yang berkaitan pemilikan tanah dan pentadbiran adat.²⁷ Antara undang-undang yang mengiktiraf pemakaian undang-undang adat kaum peribumi Sabah selepas tahun 1891 adalah *Proclamation XIV of 1903 dealing with Village Administration*, *Proclamation V of 1913 dealing with Village Administration*, *Native Administration Ordinance of 1937*, Ordinan Mahkamah Anak Negeri 1953 dan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992.²⁸ Penggubalan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 telah menjadi batu loncatan kepada undang-undang adat di negeri Sabah di mana enakmen ini digubal bertujuan untuk menjadikan sistem kehakiman Mahkamah Anak Negeri lebih terancang dan sistematik.²⁹

3.2 Kod Adat (Wolley's Codes)

Pada tahun 1900, kebanyakan undang-undang adat peribumi Sabah bergantung kepada apa yang peribumi warisi dan pelajari secara lisan sejak turun temurun daripada nenek moyang mereka.³⁰ Pada awal tahun 1920, kerajaan Borneo Utara telah mengarahkan pegawai daerah untuk mencatatkan senarai kesalahan dan hukuman dalam kawasan daerah masing-masing dan dengan bantuan ketua adat, perkara ini berjaya disiapkan walaupun setiap kesalahan dan hukuman adalah berbeza mengikut daerah.³¹ Pada tahun 1930, Encik G.C. Woolley, seorang pentadbir dalam SBBUB, berjaya mengumpulkan semua undang-undang adat ini dalam bentuk penulisan di mana beliau merekodkan tujuh buletin kod adat negeri Sabah.

Tujuan kod adat ini dikumpulkan adalah untuk menjadi garis panduan dan maklumat dalam pentadbiran SBBUB dan untuk dijadikan sumber bertulis.³²

3.3 Keputusan mahkamah yang lalu

Keputusan mahkamah yang lalu telah direkodkan bertujuan sebagai garis panduan dan rujukan untuk kes-kes yang akan datang.³³ Ini dapat membantu mahkamah atasan sekiranya terdapat kes rayuan terhadap keputusan mahkamah anak negeri. Pada tahun 1973, koleksi 65 kes rayuan yang melibatkan undang-undang adat peribumi telah dikumpulkan dan diberi tajuk *Cases on Native Customary Law (1953-1972)*.³⁴ Keputusan Mahkamah Rayuan Anak Negeri yang dibuat bermula tahun 1973 sehingga 1993 juga diterbitkan dalam *Native Court and Customary Law* in Sabah pada tahun 1993 oleh Dato Syed Ahmad bin Syed Abdullah Idid.³⁵ Terkini, *Sabah Law Association* telah menghasilkan koleksi Laporan Undang-undang Mahkamah Rayuan Anak Negeri Sabah 1989-2009.

3.4 Adat lisan yang tidak direkodkan

²⁶ *Ibid.* 2

²⁷ Peter R. Phelan, 2003. *The Traditional Legal System of Sabah*, p. 7.

²⁸ *Ibid.* 2

²⁹ *Ibid.* 2

³⁰ *Ibid.* 2

³¹ *Ibid.* 6

³² *Ibid.* 6

³³ *Ibid.* 2

³⁴ *Ibid.* 2

³⁵ *Ibid.* 2

Adat merupakan tradisi yang diwarisi turun temurun dan menjadi pegangan masyarakat sebagai satu peraturan dalam menjalani kehidupan seharian. Adat ini diperturunkan secara lisan daripada generasi terdahulu dan tidak ada satu dokumen yang tersusun dan direkodkan.³⁶ Dalam merangka dan melaksanakan Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992, Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995, kerajaan negeri Sabah telah mengalu-alukan cadangan daripada mana-mana adat peribumi yang diamalkan secara lisan untuk dimasukkan ke dalam rangka undang-undang ini.³⁷ Ini menunjukkan bahawa walaupun adat peribumi tidak direkodkan dalam bentuk bertulis, namun ia menjadi pengaruh yang kuat dalam pembentukan Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992, Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995³⁸. Walau bagaimanapun, Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995 hanya menyenaraikan secara am undang-undang adat yang wujud di negeri Sabah. Tidak ada dinyatakan dengan jelas, sama ada adat-adat tersebut merujuk kepada mana-mana suku kaum yang ada di negeri Sabah ini. Peruntukan undang-undangnya adalah sangat umum (*general*). Akan tetapi, jika diteliti setiap peruntukan undang-undang dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Negeri) 1995, kesemua adat yang disenaraikan adalah lebih menjurus kepada adat-adat dan amalan-amalan tradisi masyarakat Kadazan Dusun.

4. Jenis-Jenis Hukuman

Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Negeri) 1995 menyediakan jenis-jenis hukuman di bawah bidang kuasa MAN. Secara keseluruhannya, Kaedah 1995 mengandungi sembilan bahagian. Ia mengandungi 50 pecahan jenis kesalahan dan hukuman yang berkaitan dengan kesalahan serangan, hentaman dan kelakuan mengancam, seksual, perkahwinan, pertunangan dan pikatan, tanah perkuburan dan kematian, perangai buruk melampau, kelucahan dan khianat, mungkir janji serta kelahiran dan pantang adat.³⁹

Jenis-jenis hukuman yang boleh dijatuhkan oleh MAN termasuklah denda, denda adat, denda malu, kepanasan kampung, *koimanan*, *kosoguluanan* dan *sogit*. Mengikut Kaedah 2 dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995, denda adalah suatu penalti kewangan yang dikenakan oleh mahkamah selain daripada denda adat. Denda akan dikenakan sekiranya terdapat pelanggaran terhadap *sogit* atau denda adat yang dikenakan seperti bagi kesalahan serangan, hentaman dan kelakuan mengancam, perkahwinan di antara sanak saudara serta penamatan pertunangan.

Denda adat ialah suatu penalti yang dikenakan mengikut adat anak negeri atau adat tempatan di daerah di mana Mahkamah itu ditubuhkan.⁴⁰ Sebagai contoh sekiranya terdapat pengebumian mayat tanpa izin tanpa sebab munasabah atau keizinan keluarga si mati, boleh dikenakan oleh pihak mahkamah *sogit* berupa seekor unggas⁴¹ dan sebuah gong atau barang-barang lain yang sama nilai dengannya mengikut denda adat selain daripada denda tidak melebihi RM100.⁴²

Sementara denda malu adalah suatu pampasan adat berkenaan dengan apa-apa pelanggaran undang-undang adat anak negeri yang berkemungkinan mendedahkan pihak yang terkilan kepada kejatuhan maruah, keaiban, hinaan atau kehilangan kehormatan di hadapan saudara-mara atau masyarakat yang kepadanya pihak yang terkilan itu tergolong. Contoh kesalahan yang dikenakan denda malu adalah seperti penamatan pertunangan di mana

³⁶ Norhuda Salleh, 2014. *Tepak Sirih: Komunikasi Bukan Lisan dalam Adat Perkahwinan Melayu*, hlm. 177-190.

³⁷ *Ibid.* 27

³⁸ *Ibid.* 27

³⁹ *Hukuman Paling Besar bagi Kesalahan Seksual*. Berita Harian, 2014.

⁴⁰ Kaedah 2 dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995.

⁴¹ Kaedah 2 dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995 mentafsirkan perkataan unggas sebagai ayam, angsa dan itik.

⁴² Kaedah 30(1)(i) dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995.

pihak yang menamatkan pertunangan boleh dikenakan denda malu seekor ternakan kepada pihak yang terkilan.⁴³

Kepanasan kampung bermaksud denda adat berkenaan dengan kesalahan terhadap kesucian dan kehormatan suatu kampung. Kepanasan kampung biasanya akan dikenakan sekiranya terdapat kesalahan yang memalukan suatu kampung seperti perbuatan zina antara individu-individu yang mempunyai pertalian darah seperti anak dan bapa, ibu dan anak, adik beradik seibu sebapa, anak saudara dan bapa atau ibu saudara serta bersepupu dengan pertalian darah yang masih dekat. Sebagai contoh, dalam adat suku kaum Rungus sekiranya berlaku sumbang tunggal (besar) iaitu perbuatan zina antara anak dan bapa, ibu dan anak atau adik beradik seibu sebapa, orang yang didapati bersalah kerana melakukan sumbang tunggal akan dikenakan denda adat 15 ekor khinzir sebagai kepanasan kampung.⁴⁴

Koimanan pula ialah suatu kerugian atau ganti rugi yang ditanggung disebabkan kemungkiran janji untuk melaksanakan sesuatu perbuatan. Dalam Kaedah 53⁴⁵, sesiapa yang memungkiri janji iaitu dengan enggan menunaikan janji yang telah dibuat adalah dianggap telah melakukan pelanggaran undang-undang adat negeri *koimanan* dan dengan itu boleh dikenakan pampasan tidak melebihi 20 peratus daripada jumlah harga belian yang dipersetujui atau mengikut nilai mana yang berkenaan bagi janji tersebut.

Kosoguluanan bererti pampasan adat yang kena dibayar oleh seseorang yang berkahwin sebelum abang atau kakaknya. Dalam kes individu yang berkahwin dahulu sebelum abang atau kakaknya, individu tersebut akan dianggap melakukan pelanggaran undang-undang adat anak negeri *kosoguluanan* dan dengan itu boleh dikenakan *sogit* berupa seekor unggas atau barang-barang lain yang senilai dengannya mengikut denda adat di mana *sogit* ini perlu diberikan kepada abang atau kakak individu tersebut.⁴⁶

Hukuman terakhir adalah *sogit* yang bermaksud penalti adat yang berdarah. *Sogit* adalah perkataan dari etnik Dusun yang bermaksud 'menyejukkan'.⁴⁷ Secara umumnya, *sogit* bermaksud ganti rugi penyejuk dengan cara mengorbankan haiwan ternakan untuk menghindarkan kuasa ghaib.⁴⁸ Haiwan ternakan yang seringkali dijadikan *sogit* ialah khinzir, lembu, kerbau, kambing dan juga unggas (ayam, angsa atau itik).

Bagi kesalahan berkaitan seksual, yang terkandung dalam Bahagian III, Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995, undang-undang memperuntukkan hukuman paling besar dan tertinggi, terutamanya bagi kesalahan sumbang mahram (sumbang kadim). Sumbang kadim adalah perbuatan sumbang mahram membabitkan datuk, bapa, bapa saudara, abang dengan adik perempuan, kakak, anak, ibu, ibu saudara atau cucu perempuan. Hukuman bagi kesalahan ini adalah tidak melebihi tiga ternakan dan denda sehingga RM5,000 atau penjara 24 bulan atau penjara atau denda.⁴⁹ Contohnya dalam kes *Jamil Bin Amit lwn Rinayam Bte Sibagon*.⁵⁰ Kes ini melibatkan kesalahan seksual sebelum perkahwinan sehingga pelaku hamil di luar nikah. Mahkamah Rayuan Anak Negeri memutuskan Perayu untuk membayar *sogit* kepanasan kampung berupa seekor kerbau dan denda malu dalam bentuk seekor kerbau atau RM1,500 kepada Penentang.

5. Signifikan Denda Adat kepada Masyarakat Peribumi Sabah

⁴³ Kaedah 13(1)(i)(b) dalam dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995.

⁴⁴ *Hukuman Adat Sumbang*. Dimuat turun dari http://www.sabah.edu.my/itls07013/inline/adat3_13.html

⁴⁵ Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995.

⁴⁶ Kaedah 23 dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995.

⁴⁷ Herman J. Luping, 2009. *Indigenous Ethnic Communities of Sabah, The Kadazan Dusun*.

⁴⁸ Pg Ismail Pg Musa *et al.*, 2018. Amalan Sogit Ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian dari perspektif Hukum, hlm. 7.

⁴⁹ *Ibid.* 36

⁵⁰ Sabah Law Association Native Law, Culture, Custom & Rights Committee, 2010. Laporan Undang-undang Mahkamah Rayuan Anak Negeri Sabah 1989 – 2009. *Sabah: Sabah Law Association Native Law, Culture, Custom & Rights Committee*.

⁵¹ Fazillah Aksyah, 2011. Masyarakat Kadazan Dusun dan Sogit.

Denda adat adalah sangat signifikan kepada masyarakat peribumi Sabah. Menurut kepercayaan masyarakat peribumi Sabah, jika sesiapa tidak membayar denda yang telah dikenakan, orang tersebut akan sentiasa berada dalam keadaan yang tidak aman.⁵¹ Keadaan ini berlanjutan sehinggalah individu tersebut melunaskan denda tersebut seperti mengorbankan seekor kerbau sebagai tanda meminta maaf kepada penduduk kampung serta semangat atau roh-roh padi. Tujuan denda adat ini bukanlah bertujuan untuk mengaut keuntungan, namun ia lebih kepada berbentuk ganti rugi. Ia bertujuan untuk melindungi amalan dan adat masyarakat peribumi Sabah. Dalam sistem *sogit*, pesalah yang dikenakan *sogit* dianggap sebagai devian kerana melakukan tindakan yang telah melanggar norma-norma budaya masyarakat.

Dari segi perundangan, denda *sogit* ini sangat berbeza dengan hukuman yang diberikan oleh sistem kehakiman sivil. Kesemua denda adat tersebut perlu dibayar kepada pihak yang terkilan atau kepada yang wajar mengikut MAN dan bukannya kepada pihak kerajaan. Bagi *sogit* kepanasan kampung, binatang yang dijadikan *sogit* itu, perlu diserahkan kepada ketua kampung bagi membolehkan satu majlis dijalankan untuk mengorbankan binatang tersebut. Semua penduduk kampung hendaklah hadir dalam majlis tersebut dan daging binatang tersebut akan dibahagi dan diagihkan kepada setiap ketua rumah penduduk kampung berkenaan.⁵² Atas alasan ini, maka bolehlah disimpulkan bahawa hukuman adat adalah satu instrumen perdamaian secara adat dengan memberikan pampasan kepada pihak yang terkilan.⁵³

Analogi jelas boleh dikaitkan dengan musibah gempa pada skala 5.9 richter yang menggegarkan kebanyakan tempat di Sabah khususnya di daerah Ranau pada tahun 2015. Kejadian ini telah dikaitkan dengan perbuatan tidak senonoh sekumpulan pelancong asing berkeadaan bogel di puncak Gunung Kinabalu yang dikatakan mencemar kesucian tempat tersebut. Oleh kerana pelancong asing ini tidak dapat dibawa ke MAN atas kesalahan melanggar undang-undang adat yakni berkelakuan tidak senonoh, masyarakat setempat telah melakukan upacara *sogit* dengan menyembelih 10 ekor kerbau sebagai langkah untuk menenangkan roh-roh yang dipercayai berada di Gunung Kinabalu.⁵⁴ Ia juga dipercayai sebagai bayaran 'kepanasan' dan sebagai langkah untuk mengelakkan kejadian buruk daripada terus berlaku. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa amalan memberikan *sogit* sangat berkait rapat dengan elemen spiritual masyarakat pagan anak negeri Sabah dahulu kala dan masih terpakai sehingga kini.

6. Kesimpulan

Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Anak Negeri) 1995 telah memperuntukkan pelbagai jenis denda adat. Secara keseluruhannya terdapat 71 denda adat, 72 denda malu, 73 kepanasan kampung, 74 *koimanan*, 75 *kosoguluanan*, 76 *lapau* dan 77 *sogit*. Di samping itu, terdapat tiga kaedah hukuman terhadap tertuduh. Pertama, membayar *sogit* atau apa-apa pampasan lain yang berbentuk haiwan ternakan kepada pihak yang terkilan, atau sekiranya ingkar membayar denda dalam bentuk wang atau pemenjaraan.⁵⁵ Kedua, membayar *sogit* atau apa-apa pampasan lain yang berbentuk haiwan ternakan kepada pihak yang terkilan dan membayar denda dalam bentuk wang atau pemenjaraan.⁵⁶ Ketiga, membayar *sogit* atau apa-apa pampasan lain yang berbentuk haiwan ternakan kepada pihak terkilan dan membayar denda atau pemenjaraan dan membayar kepanasan kampung kepada penduduk kampung.⁵⁷

⁵² *Ibid.* 47

⁵³ Pg Ismail Pg Musa, *et al.*, 2018. Amalan Sogit ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian dari Perspektif Hukum, hlm. 7.

⁵⁴ *Ibid.* 52

⁵⁵ Kaedah 13(1), Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995.

⁵⁶ Kaedah 8, Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995.

⁵⁷ Kaedah 10, Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995.

Walaupun ada pihak berpendapat bahawa denda adat ini sudah tidak relevan, namun bagi anak negeri Sabah sendiri, denda adat ini sangat penting dalam kehidupan bermasyarakat. Ini kerana masyarakat peribumi percaya bahawa selain kewujudan Tuhan Yang Maha Mencipta, terdapat juga kewujudan semangat yang baik seperti makhluk ghaib. Mereka percaya semangat baik ini akan memberi pertolongan dan perlindungan kepada mereka. Oleh itu, bagi mengelakkan sebarang malapetaka daripada berlaku atau kemurkaan semangat baik ini, masyarakat peribumi Sabah beranggapan bahawa pelaksanaan denda adat ini perlu diteruskan demi mengekalkan keseimbangan dan keharmonian antara manusia dan makhluk ghaib.

MAN yang telah lama wujud di negeri Sabah adalah satu sistem yang dianggap unik dan melengkapi sistem perundangan yang sedia ada di negeri di bawah bayu. Sistem kehakiman ini memastikan bahawa semua adat masyarakat peribumi Sabah dipatuhi dan tidak sewenang-wenangnya dilanggar oleh masyarakat peribumi serta bukan peribumi seandainya perbuatan pelanggaran itu melibatkan perihal adat resam. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa secara tidak langsung, implikasi pelaksanaan sistem perundangan ini akan dapat menjaga hubungan di antara manusia dan alam melalui pelaksanaan denda adat sekali gus turut mengekalkan adat dan kepercayaan masyarakat peribumi Sabah daripada hilang ditelan zaman bak pepatah, “biar mati anak, jangan mati adat”. Tuntasnya, kewujudan sistem kehakiman yang berteraskan amalan tradisi ini dilihat mampu memelihara kesantunan budi dan keluhuran adat dalam kalangan peribumi khususnya dan masyarakat setempat amnya.

Rujukan

- Ahadin A. 2014. *Peranan Mahkamah Anak Negeri Antara Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004*. Dimuat turun pada 13 Julai 2017, dari <http://www.erakita.wordpress.com/tag/bidangkuasa-mahkamah-anak-negeri-sabah/>
- Ahadin A. 2015. *Pentadbiran Undang-Undang Harta Pusaka Di Mahkamah Syariah Negeri Sabah*. Dimuat turun pada 30 Jun 2016, dari https://www.academia.edu/25073426/PENTADBIRAN_UNDANG-UNDANG_HARTA_PUSAKA_ISLAM_DI_MAHKAMAH_SYARIAH_NEGERI_SABAH
- Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992.
- Fazillah A. *Masyarakat Kadazan Dusun dan Sogit*. 6 Oktober 2011. Sidang Sosial. <http://sidangsosial.blogspot.com/2011/10/127027-fazillah-binti-aksyah.html>.
- Herman J. Luping. 2009. *Indigenous Ethnic Communities of Sabah, The Kadazan Dusun*. Kuala Lumpur: Kementerian Maklumat, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.
- Hukuman Adat Sumbang*. Dimuat turun dari http://www.sabah.edu.my/itls07013/inline/adat3_13.html
- Hukuman Paling Besar bagi Kesalahan Seksual*. 8 Oktober 2014. Berita Harian.
- Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri) 1995.
- Mosli Tarsat. 2009. Kerelevanan dan Prospek Jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah: Satu Perspektif Sejarah. *Sosiohumanika*, 2(2): 227-252.
- Norhuda Salleh. 2014. Tepak Sirih: Komunikasi Bukan Lisan dalam Adat Perkahwinan Melayu, *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 30(Special Issue): 177-190.
- Ordinan Interpretasi Anak Negeri Sabah 1952 (Cap 64).
- Perlembagaan Negeri Sabah.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Peter R. P. 2003. *The Traditional Legal System of Sabah*, Kota Kinabalu: Pusat Kajian Borneo: 7.
- Pg Ismail Pg Musa *et al.* 2018. Amalan Sogit ke atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian dari Perspektif Hukum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 19.
- Rafidah D. H. S. 2014. Native Courts System in Sabah: Will it Continue to Survive? *Proceeding of The International Conference on Law, Policy and Social Justice*: 1-13.

- Sabah Law Association Native Law, Culture, Custom & Rights Committee. 2010. *Laporan Undang-undang Mahkamah Rayuan Anak Negeri Sabah 1989 – 2009*. Sabah: Sabah Law Association Native Law, Culture, Custom & Rights Committee.
- Wan A. H. 2009. *At First Look at The Malaysian Legal System*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.

*Fakulti Undang-Undang,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah,
Kampus Kota Kinabalu,
Beg Berkunci 71, 88997 Kota Kinabalu,
Sabah, MALAYSIA
E-mail: rafidah632@sabah.uitm.edu.my*, lenny442@sabah.uitm.edu.my,
amir979@uitm.edu.my*

** Corresponding author*